



# LAPORAN TAHUNAN 2019





**1. MERENCANA  
LANGKAH KE HADAPAN**

Pengerusi MIDA, Dato' Abdul Majid Ahmad Khan memberikan sorotan prestasi pelaburan Malaysia bagi tahun 2019 di sebalik persekitaran ekonomi yang tidak menentu selain menyatakan hasrat dan komitmen MIDA bagi terus merangka usaha berterusan dalam memacu agenda pelaburan negara.

**ms 04****2. MERANCARKAN  
PELABURAN  
MENUJU DEKAD  
BAHARU**

Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Dato' Azman Mahmud, memberikan ringkasan prestasi keseluruhan MIDA pada tahun 2019. Beliau turut berkongsi tentang inisiatif MIDA untuk menggalakkan perkembangan Pelaburan Langsung Domestik (DDI) dan perancangan untuk terus meneroka strategi baharu menuju masa hadapan.

**ms 06****3. MENGENAI MIDA**

Lembaga Pengarah  
Pengurusan Tertinggi  
Carta Organisasi  
Pengurusan MIDA  
MIDA Terus Cemerlang  
Pembangunan Sumber Manusia

**ms 10**  
**ms 11**  
**ms 13**  
**ms 14**  
**ms 17**  
**ms 18**
**4. PRESTASI  
PELABURAN 2019****Prestasi Pelaburan Sektor Perkilangan****ms 22**

Sektor perkilangan terus menjadi salah satu teras ekonomi negara yang menjadi penyumbang kedua tertinggi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2019.

**Prestasi Pelaburan Sektor Perkhidmatan****ms 27**

MIDA terus memacu perkembangan sektor perkhidmatan dengan menyumbang lebih 55 peratus kepada ekonomi negara bagi tahun 2019.

**Prestasi Pelaburan Sektor Utama****ms 29**

Subsektor perlombongan menerajui sebahagian besar pelaburan dalam sektor ini, diikuti dengan subsektor perladangan dan komoditi, serta subsektor pertanian.

**Kerjasama MIDA bersama Malaysian Automotive Association (MAA)**

**ms 31**

# DUNGAN

## 5. AKTIVITI PROMOSI PELABURAN

### Menjana Pelaburan untuk Kemakmuran Malaysia

ms 34

MIDA mengambil pelbagai langkah dalam memastikan Malaysia terus menjadi pilihan utama pelabur di peringkat antarabangsa melalui pendekatan yang berfokus kepada industri bernilai tambah tinggi, berintensifkan modal, berintensifkan pengetahuan serta industri berteknologi tinggi.

ms 40

### Memperhebat Industri Pelaburan Tempatan

Inisiatif–inisiatif yang dilaksanakan oleh MIDA secara berterusan dalam memperkuat dan meningkatkan pelaburan domestik seiring dengan matlamat untuk mencapai kemakmuran yang berterusan kepada rakyat Malaysia.

### Menjana Peluang Perniagaan melalui Pelaburan Ekuiti

ms 45

---

## 6. PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan MIDA yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

ms 46

---

## 7. TEMUI MIDA

Alamat ibu pejabat, Pejabat-pejabat MIDA di dalam dan luar negara.

ms 92

**Dato' Abdul Majid Ahmad Khan**  
Pengerusi, MIDA



## MERENCANA LANGKAH KE HADAPAN

*MIDA terus komited dalam memenuhi peranannya di sebalik situasi ekonomi global yang ketika ini berada dalam keadaan tidak menentu dan sukar dijangka. Melalui langkah-langkah dan strategi yang berkesan, pastinya implikasi di sebalik cabaran ekonomi akan dapat ditangani dengan baik, sama ada cabaran sedia ada maupun yang bakal menanti di masa hadapan.*

MIDA menjadi peneraju bagi agenda pelaburan nasional melalui pendekatan strategik inovasi ekosistem, yang merupakan suatu kaedah berkesan dalam meningkatkan tarikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan pilihan.

## PRESTASI MEMBERANGSANGKAN

Ekonomi Malaysia kekal utuh di sebalik ketegangan perdagangan dan ketidakpastian geopolitik di peringkat global pada tahun 2019. Bank Dunia mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada kadar 4.6 peratus pada tahun 2019 dalam kelestarian penggunaan swasta yang didorong oleh pasaran buruh yang stabil.

Pada tahun yang sama, *The World Bank Doing Business 2020 Report* telah menyenaraikan Malaysia di kedudukan ke-12 berbanding kedudukan ke-15 pada tahun sebelumnya daripada kelompok 190 ekonomi seluruh dunia dan keempat di Asia. Pencapaian ini adalah bukti yang menunjukkan usaha berterusan negara dalam menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif kepada pelabur asing dan tempatan.

Kedudukan dalam senarai *World Economic Forum's Global Competitiveness Report 2019* juga telah membuktikan kemampuan Malaysia sebagai negara yang berdaya saing di peringkat antarabangsa apabila disenaraikan di tempat ke-27 daripada 141 buah negara, dan berada di kedudukan kedua di ASEAN. Ini sekaligus menunjukkan Malaysia adalah sebuah negara pembekal pelbagai produk dan perkhidmatan yang mampu memenuhi permintaan yang semakin meningkat di pasaran global. Pencapaian ini adalah penting memandangkan pada ketika ini terdapat peningkatan berterusan dalam pasaran negara-negara Asia, terutamanya di rantau ASEAN.

Malaysia terus menjadi destinasi pilihan bagi pelabur syarikat multinasional, namun dalam masa yang sama peranan pelabur tempatan juga tidak boleh dipandang ringan. Spektrum pelaburan tempatan yang baik akan merancakkan ekosistem dan membantu Pelaburan Langsung Asing (FDI). Justeru, pelbagai inisiatif dan insentif telah dilaksanakan bagi terus mempromosikan pelaburan tempatan.

## MENERAJUI AGENDA PELABURAN NASIONAL

Ekonomi global dilihat akan terus menuju ke arah teknologi tinggi, bernilai tambah tinggi dan pertumbuhan yang inklusif pada masa hadapan. Justeru MIDA akan terus memainkan peranan sebagai agensi penggalakan pelaburan dan pembangunan bagi memastikan agenda pelaburan negara tercapai. MIDA sentiasa terbuka untuk bekerjasama serta menerima

pandangan dan idea bagi merumus formula terbaik untuk merangka polisi yang berkesan dan strategi untuk menjana lebih banyak pelaburan asing maupun tempatan yang berkualiti.

MIDA sedang menggandakan usaha dalam mempromosikan aktiviti pelaburannya. MIDA menjadi peneraju bagi agenda pelaburan nasional melalui pendekatan strategik inovasi ekosistem, yang merupakan suatu kaedah berkesan dalam meningkatkan tarikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan pilihan.

MIDA akan terus mengenalpasti dan memenuhi keperluan pihak berkepentingan dengan membuka lebih banyak peluang perniagaan tempatan dan juga peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada rakyat Malaysia. Usaha ini menunjukkan dedikasi MIDA dalam mencipta kemakmuran bersama yang mampan kepada semua rakyat Malaysia.

## MERANGKA USAHA BERTERUSAN

Menerusi pengalaman dan pengetahuan yang telah terbukti, MIDA sentiasa peka dengan cabaran yang dihadapi pasaran global pada hari ini. Justeru dalam memastikan negara menikmati manfaat yang berterusan, kerajaan melalui MIDA sentiasa memperhalusi strategi pelaburan dengan mewujudkan ekosistem yang bertepatan dengan usaha menjana ekonomi berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi dan industri berasaskan pengetahuan. Usaha yang teliti beserta pelaburan yang berfokus kepada sumber manusia, teknologi dan infrastruktur, akan merealisasikan aspirasi kerajaan untuk melonjakkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang optimum.

Secara keseluruhannya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga MIDA, bermula daripada pihak pengurusan tertinggi sehingga kepada kakitangan yang telah memberikan komitmen terbaik dalam memacu MIDA ke hadapan dan merangsang persekitaran perniagaan yang positif di Malaysia.

Tidak dilupakan juga kepada semua pihak berkepentingan, pihak-pihak Kementerian, agensi-agensi, serta para pemain industri dan persatuan, saya mengucapkan terima kasih atas kepercayaan tinggi dan sokongan berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak MIDA.

# MERANCAKKAN PELABURAN MENUJU DEKAD BAHARU

*Dalam menerajui aspirasi nasional ke arah pembangunan lestari, Malaysia terus gigih untuk membina daya tahan dalam mengekalkan prestasi pelaburan yang baik di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Sebagai fasilitator dan penggerak utama pelaburan Malaysia, MIDA terus mengorak langkah bagi menjana pelaburan yang berkualiti dalam usaha membangunkan sektor perindustrian negara. Ini adalah seiring dengan usaha melonjakkan Malaysia ke arah ekonomi berteknologi tinggi dan bernilai tambah tinggi.*

## PENCAPAIAN DI SEBALIK CABARAN

Tahun 2019 dipenuhi dengan pelbagai cabaran ekonomi dari pelbagai sudut. Namun demikian, Malaysia telah berjaya mencatatkan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM211.4 bilion dalam sektor perkilangan, perkhidmatan, dan utama. Selain itu, 124,073 peluang pekerjaan baharu dijangka akan turut dijana menerusi pelaburan daripada 5,287 projek berkenaan.

## PELAN STRATEGIK KE HADAPAN

Bagi menjamin limpahan ekonomi yang positif kepada Malaysia secara berterusan, MIDA telah mengamalkan pendekatan yang lebih strategik dalam agenda pelburannya dengan meneroka dan memanfaatkan pembangunan megatrend seperti Industri 4.0, Ekonomi Digital dan E-dagang. Pengamalan strategik pendigitalan dan teknologi amat penting dalam memastikan Malaysia kekal kompetitif sebagai destinasi pilihan bagi pelabur dari sudut Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), inovasi dan juga bakat.

Malaysia dijangka akan terus mengalami peningkatan ketara bagi pekerjaan bernilai tinggi dalam menuju ke fasa pembangunan yang seterusnya. Sejumlah besar peranan baru dalam sektor pengurusan, teknikal dan penyeliaan (MTS) telah dicipta pada tahun 2019, khususnya dalam sektor perkilangan. Ini merangkumi 35.4 peratus atau 27,843 pekerjaan baru dalam sektor berkenaan.

## MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI PELABURAN PILIHAN

MIDA juga terus konsisten dalam usaha menarik pelaburan asing yang berkualiti menerusi kelulusan RM82.9 bilion dalam Pelaburan Langsung Asing (FDI) pada tahun 2019, terutamanya daripada Amerika Syarikat, Republik Rakyat China, Jepun, Singapura dan Taiwan. Namun usaha MIDA tidak terhenti di situ.

Sepanjang tahun, MIDA telah membina dan menjaga hubungan baik dengan rakan perdagangan dan pihak berkepentingan melalui misi perdagangan dan pelaburan, persidangan meja bulat serta sesi rangkaian. Inisiatif ini adalah penting dalam meletakkan dasar bagi merangsang aliran masuk FDI yang berkualiti ke dalam negara dan menyerlahkan Malaysia sebagai destinasi pilihan utama pelaburan di peringkat antarabangsa.

Pelabur tempatan terus kekal menjadi penyumbang penting kepada ekonomi Malaysia melalui Pelaburan Langsung Domestik (DDI) dan memainkan peranan yang lebih besar sebagai pelengkap kepada FDI bagi memacu agenda pelaburan negara. Sumbangan besar DDI berjumlah RM128.5 bilion pada tahun 2019 telah meletakkan Malaysia di landasan yang betul dalam mencapai sasaran untuk membangunkan ekonomi yang inklusif dan seimbang.

## INISIATIF BERTERUSAN

Seiring dengan perkembangan ini, MIDA akan terus teguh berusaha membantu perkembangan syarikat dan perniagaan tempatan. Beberapa inisiatif DDI berfokus juga telah dijalankan dengan objektif untuk menggalakkan kerjasama di antara perniagaan tempatan dengan pelbagai konglomerat tempatan dan juga antarabangsa.

Sebagai contoh, Pasukan Platform Penyelaras Pelaburan Domestik (DICP) MIDA telah menjalankan beberapa siri Forum Peluang Pembiayaan Perniagaan bagi menyediakan saluran yang boleh diakses oleh peniaga, sekaligus memudahkan mereka memperoleh maklumat bagi meningkatkan daya saing dan kapasiti perniagaan melalui penyertaan ekuiti.

MIDA juga memainkan peranan penting sebagai perantara bagi komuniti perniagaan dengan penggubal dasar negara, seiring dengan usaha Malaysia untuk melangkah ke hadapan melalui perangkaan dan seterusnya pelaksanaan Rancangan Malaysia

**DATO' AZMAN MAHMUD***Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA*

Kedua Belas (2021-2025) serta Pelan Induk Industri Baru. Rentetan daripada usaha ini pastinya akan menghasilkan dasar mesra perniagaan yang kondusif bagi mewujudkan landskap perniagaan yang mampan untuk terus menarik minat pelabur pada masa hadapan.

Ekonomi global pastinya berdepan pelbagai cabaran pada tahun 2020 yang sudah tentu memberi kesan kepada pertumbuhan pelaburan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Namun dengan berbekalkan asas yang kukuh, langkah-langkah strategik yang berfokus serta kerjasama erat dengan agensi kerajaan dan pemain industri, Malaysia akan terus utuh dan kekal berada di landasan yang tepat dalam terus mengorak langkah ke hadapan.

Akhir kata, saya merakamkan sekalung penghargaan kepada seluruh warga MIDA yang sentiasa bekerja keras sepanjang tahun dan bertungkus lumus dalam memberikan khidmat yang terbaik. Segala usaha telah diterjemahkan melalui pengekalan prestasi yang baik dan dedikasi yang sama pastinya akan diteruskan untuk tahun-tahun yang akan datang. Tahniah dan terima kasih warga MIDA.



Sebagai fasilitator dan penggerak utama pelaburan Malaysia, MIDA terus mengorak langkah bagi menjana pelaburan yang berkualiti dalam usaha membangunkan sektor perindustrian negara.





# 03

## MENGENAI MIDA

# TUNJANG KEKUATAN MIDA

*Kejayaan MIDA adalah hasil usaha daripada Ahli Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan seluruh warga MIDA yang menjadi tunjang di sebalik pencapaian cemerlang MIDA.*

## Lembaga Pengarah



**DATO' ABDUL MAJID  
AHMAD KHAN**  
Pengerusi  
Lembaga Pembangunan Pelaburan  
Malaysia (MIDA)



**DATO' AZMAN MAHMUD**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Pelaburan  
Malaysia (MIDA)



**DATO' LOKMAN HAKIM ALI**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa  
& Industri (MITI)



**ENCIK MA. SIVANESAN  
S/O MARIMUTHU @  
MUTHIAH**  
Setiausaha Bahagian Cukai  
Kementerian Kewangan (MOF)



**ENCIK MARZUNISHAM OMAR**  
Timbalan Gabenor  
Bank Negara Malaysia (BNM)



**TAN SRI DATO' SOH THIAN LAI**  
Presiden  
Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia  
(FMM)



**ENCIK NORDIN ENING**  
Pengerusi  
Sabah Cross Border Traders Association  
(SCBTA)



**ENCIK NIP WING HON @  
JOHN NIP**  
Pengarah Urusan  
Sipadan Mangrove Resort  
SDN. BHD.



**DATUK SERI AZMAN BIN UJANG**  
Pengerusi  
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia  
(BERNAMA)



**DATUK ICHIRO SUZUKI**  
Pengarah Urusan  
Hiro Food Packages Manufacturing  
SDN. BHD.



**DR. MUHAMMED ABDUL KHALID**  
Penasihat Ekonomi Perdana Menteri  
Pejabat Perdana Menteri



**DATO' DR. GURDIAL  
SINGH NIJAR**  
Tetuan GS Nijar  
Peguambela & Peguamcara

## Pengurusan Tertinggi



**1. DATO' AZMAN MAHMUD**  
Ketua Pegawai Eksekutif

**2. DATUK RAJENDRAN A/L NARAYANASAMY**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif I  
(Sehingga 25 Januari 2019)

**3. ARHAM ABDUL RAHMAN**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif I  
(Daripada 1 Mac 2019)  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif II  
(Sehingga 28 Februari 2019)

**4. ZABIDI MAHBAR**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif II  
(Sehingga 4 Disember 2019)  
Pengarah Eksekutif Kanan  
(Sehingga 28 Februari 2019)

**5. AHMAD KHAIRUDDIN ABDUL RAHIM**  
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif II  
(Daripada 10 Disember 2019)  
Pengarah Eksekutif Kanan  
Perancangan Strategik dan Pembangunan  
(Perkilangan dan Perkhidmatan)  
(Daripada 15 Mei sehingga  
9 Disember 2019)  
Pengarah Eksekutif  
Pembangunan Perkilangan (Sumber)  
(Sehingga 14 Mei 2019)

**Pengurusan Tertinggi** (Sambungan)



**MOHAMED ZUHARI  
MOHAMED NOR**  
Pengarah Eksekutif  
Perkhidmatan Pengurusan Korporat



**LIM BEE VIAN**  
Pengarah Eksekutif  
Perancangan Strategik  
(Perkhidmatan)



**MOHD ZULKAFLI ISMAIL**  
Pengarah Eksekutif  
Pasca Pelaburan



**SIVASURIYAMOORTHY A/L  
SUNDARA RAJA**  
Pengarah Eksekutif  
Penggalakan Pelaburan



**JASBIR KAUR A/P BACHAN SINGH**  
Pengarah Eksekutif  
Pembangunan Perkilangan  
(Bukan Sumber)



**CHOO WAI MENG**  
Pengarah Eksekutif  
Perancangan Strategik  
(Perkilangan)



**ROESLINA ABBAS**  
Pengarah Eksekutif  
Pembangunan Perkhidmatan



**MOHAMAD ISMAIL ABU BAKAR**  
Pengarah Eksekutif  
Pembangunan Perkilangan  
(Sumber)  
*(Daripada 15 Mei 2019)*  
Pengarah  
Pengurusan Talent Industri dan Ekspatriat  
*(Sehingga 14 Mei 2019)*

## CARTA ORGANISASI



## Pengurusan MIDA



**MOHD RASLI MUDA**

Pengarah  
Teknologi Makaran dan  
Industri Berasaskan Sumber  
(Sehingga 29 Julai 2019)



**AHMAD TAJUDDIN OMAR**

Pengarah  
Minyak & Gas dan Teknologi Maritim  
(Sehingga 27 November 2019)



**UMARANI A/P MUNIANDY**

Pengarah  
Minyak & Gas dan Teknologi Maritim  
(Sehingga 10 November 2019)  
**Pengarah**  
Kimia dan Bahan Termaju  
(Sehingga 14 Mei 2019)



**BALKISH MOHD YASIN**

Pengarah  
Sains Hayat dan Teknologi Perubatan



**SHAHROL SHAHABUDIN**

Pengarah  
Jentera dan Logam  
(Sehingga 27 Ogos 2019)



**ZALINA ZAINOL**

Pengarah  
Komunikasi Korporat



**WAN HASHIMAH WAN SALLEH**

Pengarah  
Teknologi Hijau



**ZUAIDA ABDULLAH**

Pengarah  
Perancangan Strategik dan  
Advokasi Dasar (Perkhidmatan)



**NORMI ALIAS**

Pengarah  
Pengurusan Sumber Manusia



**RAMLI BAKAR**

Pengarah  
Pengurusan Korporat  
(Sehingga 2 Mei 2019)



**NOR'AINI MATT TALHA**

Pengarah  
Sekretariat Pelaburan Nasional



**NAJIHAH ABAS**

Pengarah  
Teknologi Bangunan  
dan Gaya Hidup

**NOOR AIEDA AHMAD**

Pengarah  
Sokongan Pasca-Pelaburan  
dan Infrastruktur

**JEYASIGAN A/L NARAYANAN NAIR**

Pengarah  
Jentera dan Logam  
(Daripada 1 Oktober 2019)  
  
Pengarah  
Teknologi Termaju dan  
Penyelidikan Pembangunan  
(Sehingga 30 September 2019)

**NELSON A/L SAMUEL WILSON**

Pengarah  
Penggalakan Pelaburan Asing  
(Sehingga 17 November 2019)

**ZAHIRUL ISHAK**

Pengarah  
Teknologi Pengangkutan

**WAHIDA ABDUL RAHMAN**

Pengarah  
Perkhidmatan Bisnes dan  
Inovasi Rantaian Bekalan

**AZLINA HAMDAN**


Pengarah  
Elektrikal & Elektronik

**SIKH SHAMSUL IBRAHIM SIKH  
ABDUL MAJID**

Pengarah  
Pelaburan Tempatan dan  
Penyelarasan Rantaian Bekalan

**MASNI MUHAMMAD**

Pengarah  
Perancangan Strategik dan Advokasi Dasar  
(Perkilangan)  
(Daripada 15 Mei 2019)  
  
Pengarah  
Minyak & Gas dan Teknologi Maritim  
(Sehingga 14 Mei 2019)

**AIZAH ABDULLAH**

Pengarah  
Pengurusan Talent Industri  
dan Ekspatriat  
(Daripada 15 Mei 2019)  
  
Pengarah  
Statistik Pelaburan  
(Sehingga 14 Mei 2019)

**MANJIT KAUR A/P BALKAR SINGH**

Pengarah  
Kesihatan, Pendidikan dan Hospitaliti

**ROSLINA OTHMAN**

Pengarah  
Statistik Pelaburan  
(Daripada 15 Mei 2019)

**HABIBAH ENOK**

Pengarah  
Pengurusan Korporat  
(Daripada 3 Mei 2019)

**Pengurusan MIDA** (Sambungan)



**SURAYU SUSAH**  
Pengarah  
Kimia dan Bahan Termaju  
(Daripada 15 Mei 2019)



**KHAMILAH MOHD YUSOF**  
Pengarah  
Teknologi Makanan dan  
Industri Berasaskan Sumber  
(Daripada 1 Ogos 2019)



**NORHIZAM IBRAHIM**  
Pengarah  
Teknologi Termaju dan  
Penyelidikan Pembangunan  
(Daripada 1 Oktober 2019)



**HAZLI JEMAAT @ HASAN**  
Pengarah  
Minyak & Gas dan Teknologi Maritim  
(Daripada 1 Disember 2019)  
Ketua Seksyen  
Tarif  
(Sehingga 30 November 2019)



**AHMAD ZAKUAN GHAZALI**  
Pengarah  
Pembangunan Sistem  
Teknologi Maklumat



**MOHD ZAHARIN JAMARIS**  
Pengarah  
Pengurusan Kewangan dan Akaun  
(Daripada 15 Mei 2019)



**ZURAIDAH OTHMAN**  
Ketua Seksyen  
Seksyen Pematuhan &  
Pemantauan Pelesenan dan Galakan  
(Sehingga 30 April 2019)



**ZAKIAH SAJIDAN**  
Ketua Seksyen  
Seksyen Pematuhan &  
Pemantauan Pelesenan dan Galakan  
(Daripada 15 Mei 2019)



**AZRINA HASHIM**  
Ketua Seksyen  
Pejabat Penyeragaman dan  
Penyelarasan Insentif (ICCO)



**ZIL MUKHRIZ SULONG**  
Ketua Seksyen  
Seksyen Perundungan dan  
Hubungan Kerajaan



**MEGAT FAIZAL  
MOHAMAD ZABRI**  
Ketua Unit  
Unit Audit Dalam

# MIDA TERUS CEMERLANG

*MIDA ditubuhkan sebagai sebuah badan berkanun di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) pada tahun 1967 yang kemudiannya dipinda menjadi Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan)(Pindaan) 2011.*

*MIDA selaku agensi penggalakan pelaburan utama negara kekal komited untuk memenuhi Misi dan Visinya dalam menjadi rakan kongsi terbaik kepada pelabur melalui integriti dan profesionalisme warganya. Selain itu, MIDA tetap teguh dalam membantu Malaysia mencapai kemakmuran ekonomi yang berpanjangan.*

## FUNGSI MIDA

- Meneraju, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan dasar, strategi, aktiviti dan pembangunan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti).
- Menjalankan aktiviti berkaitan penggalakan pelaburan bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti) di dalam atau di luar Malaysia.
- Menjalankan kajian dan perancangan berhubung hal-hal berkaitan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti).
- Menasihati Kerajaan mengenai dasar berkaitan penggalakan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti) yang meliputi:
  - Pengeluaran lesen pengilang
  - Insentif kepada pelabur yang berkelayakan di Malaysia
  - Jawatan ekspatriat
  - Pengenaan atau pemindaan serta pengecualian daripada duti kastam
  - Kemudahan-kemudahan fiskal atau bukan fiskal yang lain
- Merangka langkah-langkah bagi menggalakkan pelaburan sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti).
- Menyelaras dan memudahkan aktiviti berkaitan penggalakan dan pelaksanaan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti) di peringkat persekutuan dan negeri.
- Menawarkan perkhidmatan rundingan meliputi latihan dan bantuan teknikal.
- Menjalankan aktiviti yang menggalakkan kerjasama dengan negara-negara lain, sejajar dengan objektif Kerajaan untuk meningkatkan pelaburan sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti).
- Membantu syarikat-syarikat Malaysia meneroka peluang pelaburan dan memperoleh teknologi dari luar negara.
- Bertindak sebagai pusat pengumpulan, rujukan dan penyebaran maklumat berkaitan pelaburan merentasi semua sektor ekonomi.
- Menyediakan laporan berkala kepada Menteri mengenai kemajuan dan isu-isu berkaitan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kewangan dan utiliti) serta mengemukakan cadangan bagi mengatasi isu-isu tersebut.
- Menjalankan fungsi-fungsi lain yang selari dengan Akta MIDA berdasarkan arahan Menteri secara bertulis.
- Secara umumnya, menjalankan semua perkara-perkara berkaitan dan berbangkit dalam melaksanakan kuasa dan fungsi di bawah akta ini.

# PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

*MIDA sentiasa berusaha untuk menambah baik mutu perkhidmatan dan meningkatkan produktiviti warganya. Justeru suatu sistem penilaian prestasi baharu telah diperkenalkan bagi mencapai tujuan ini di samping program latihan dan pembangunan yang dijalankan secara berterusan.*

## PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENILAIAN PRESTASI

*Employee Performance Appraisal System (EPMS)* merupakan sistem penilaian prestasi berasaskan KPI yang telah digunakan mulai tahun 2019 bagi semua pegawai MIDA. Melalui sistem secara atas talian ini, prestasi pegawai akan dinilai berdasarkan tiga aspek utama iaitu pencapaian KPI, tahap kecekapan dan juga sumbangan pegawai terhadap organisasi, komuniti dan negara.

Pelaksanaan EPMS ini telah menggantikan sistem penilaian prestasi terdahulu iaitu Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT). EPMS dilihat sebagai satu penambahbaikan yang ketara apabila KPI diperkenalkan dalam proses penilaian prestasi kakitangan. Pelaksanaan sistem baharu ini juga menunjukkan betapa MIDA amat menekankan aspek pembangunan sumber manusia dalam pengurusannya.

Sistem penilaian yang baharu ini membolehkan penilaian prestasi tahunan dibuat dengan lebih objektif, menyeluruh dan telus. Ia bukan sahaja sesuai digunakan bagi tujuan penentuan ganjaran tahunan, malahan boleh diadaptasi sebagai mekanisme pemantauan dan pengurusan prestasi kakitangan.

Selain itu, data-data prestasi daripada sistem ini boleh dimanfaatkan bagi mengenal pasti inisiatif latihan dan program pembangunan bersesuaian bagi meningkatkan produktiviti dan prestasi pegawai. Melalui sistem penilaian berasaskan KPI ini, peningkatan prestasi setiap pegawai walaupun dalam skala kecil, apabila diambil kira secara kolektif akan memberikan impak yang besar terhadap prestasi MIDA secara keseluruhannya.

## LATIHAN & PEMBANGUNAN

Program latihan dan pembangunan juga dijalankan secara berterusan oleh MIDA. Ia berfokus kepada tiga tujuan strategik iaitu pembangunan kepemimpinan, penyelarasan latihan seiring keperluan MIDA dan peningkatan pengetahuan. Objektif utama rangka pembangunan ini adalah untuk meningkatkan kecekapan bagi memenuhi kompetensi sikap dan kompetensi teknikal MIDA, mencapai sasaran KPI MIDA dan juga penghayatan nilai-nilai MIDA (MICCCA).

Selain itu, dalam usaha memantapkan lagi latihan dan pembangunan, MIDA telah membangunkan *Assessment and Development Centre (ADC)* sebagai sebahagian daripada sistem pengurusan bakat MIDA.

Kepemimpinan, kompetensi sikap dan kompetensi teknikal adalah kunci utama bagi prestasi dan kejayaan organisasi. Justeru, penilaian dilakukan bagi mengenal pasti potensi, kelebihan dan juga jurang kompetensi berdasarkan kepada Model Kompetensi MIDA. Penemuan daripada proses penilaian ini didokumentasi dalam Pelan Pembangunan Peribadi (PDP) dan dibincangkan dengan setiap peserta.

Data daripada ADC tersebut memainkan peranan penting dalam perancangan program pembangunan pegawai. Fokus program pembangunan adalah terhadap tiga kompetensi utama iaitu Memimpin Perniagaan, Memimpin Kumpulan dan Kecemerlangan Proses. Program yang bersesuaian akan ditentukan mengikut gred jawatan.

Di samping itu, bagi jawatan Pengarah dan ke atas, penyertaan dalam *Leadership Excellence Series* dirangka untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam mengolah strategi bagi memantapkan prestasi organisasi dalam persekitaran Ketidakstabilan, Ketidakpastian, Kerumitan dan Kesamaran (VUCA).

Manakala bagi pegawai-pegawai berjawatan Timbalan dan Timbalan Pengarah Kanan, program latihan berdasarkan kompetensi dirangka bagi memperluaskan pengetahuan dan membangunkan kemahiran asas yang diperlukan dalam membentuk kepimpinan dan penyeliaan yang efektif.

Objektif program ini adalah bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengurusan pasukan, meningkatkan produktiviti serta motivasi individu dan kumpulan serta memupuk stail kepimpinan yang kondusif bagi membangunkan kompetensi pegawai seliaan.

Pembangunan eksekutif muda juga tidak diabaikan. Program Mentor & Mentee telah diwujudkan bagi membangunkan golongan ini. Pegawai atasan MIDA diberikan amanah untuk membentuk kompetensi eksekutif-eksekutif muda ini selaras dengan keperluan MIDA.

Staf bukan eksekutif pula dilatih dengan kemahiran teknologi seperti *Microsoft Excel*, fotografi dan videografi, pengacaraan dan pengurusan majlis serta kursus asas pertolongan cemas iaitu *Cardiopulmonary resuscitation (CPR)* dan *Emergency Response Team Training (ERT)*.

Inisiatif yang dilaksanakan di bawah pembangunan sumber manusia ini merangkumi perancangan yang

mengambil kira keperluan setiap warga MIDA. Program yang dirangka ini pastinya akan meningkatkan produktiviti warga MIDA seterusnya akan memberi impak positif kepada pencapaian cemerlang MIDA secara berterusan.

## NILAI – NILAI TERAS MIDA (MICCCA)



### MERITOKRASI

Memberi ganjaran berdasarkan prestasi dan meraikan pencapaian



### INTEGRITI

Berlaku Jujur, telus dan bertanggungjawab



### UTAMAKAN PELANGGAN

Memberi keutamaan kepada pelanggan setiap masa



### INGIN TAHU

Mencari idea dan pengetahuan baru




### ERAT

Nilai keterbukaan dan sokongan erat di kalangan warga organisasi



### NILAI TAMBAHAN

Melangkaui jangkaan dan meningkatkan sasaran





**04**

**PRESTASI**

**PELABURAN**

**2019**



## PRESTASI PELABURAN SEKTOR PERKILANGAN

Sektor perkilangan terus menjadi salah satu teras ekonomi negara. Pada tahun 2019, sektor perkilangan telah menjadi penyumbang kedua tertinggi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia iaitu sebanyak 22.3 peratus dengan nilai RM316 bilion.

Pelaburan yang diluluskan bagi tahun 2019 bagi sektor perkilangan adalah sebanyak RM82.7 bilion. Bilangan projek perkilangan yang diluluskan meningkat 37 peratus daripada 721 projek pada tahun 2018 kepada 988 projek pada tahun 2019. Pelaburan Langsung Asing (FDI) menyumbang 65.8 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan.

### Sorotan Penting Sektor Perkilangan pada Tahun 2019



### Sumbangan Pelaburan Mengikut Industri pada Tahun 2019



**Elektrikal dan Elektronik (E&E)**

**RM25.66** bilion

**Kertas, Percetakan dan Penerbitan**

**RM10.75** bilion

**Teknologi Pengangkutan**

**RM8.05** bilion

**Produk Mineral Bukan Logam**

**RM6.86** bilion



**Kimia**

**RM4.75** bilion

**Produk Getah**

**RM4.58** bilion

**Jentera dan Kelengkapan**

**RM4.46** bilion

**Pemprosesan Makanan**

**RM3.80** bilion

Jumlah **RM68.91** bilion

(83.3% daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan)

## DOMINASI PELABURAN ASING

Pelaburan asing adalah seimbang di antara projek baharu dan projek pembesaran dan pelbaigan. Projek baharu merangkumi 51 peratus iaitu RM27.8 bilion, manakala projek pembesaran dan pelbaigan merangkumi 49 peratus iaitu RM26.6 bilion daripada pelaburan asing dalam tahun 2019.

## PELABURAN DOMESTIK KEKAL OPTIMIS

Pada tahun 2019, pelaburan domestik adalah lebih berfokus kepada projek baharu yang keseluruhannya berjumlah RM17.4 bilion atau sebanyak 61.6 peratus pelaburan domestik. Manakala lebihan 38.4 peratus atau RM10.9 bilion ringgit adalah daripada projek pembesaran dan pelbaigan.


## KEKAL SEBAGAI PENGEKSPORT TERBESAR

Sektor perkilangan Malaysia kekal menjadi penyumbang terbesar kepada pendapatan eksport negara dan terus menjadi destinasi pilihan pelabur di rantau ini dan di peringkat global.

Pada tahun 2019, sejumlah 365 projek yang berorientasikan eksport telah diluluskan dan akan mengekspor sekurang-kurangnya 80 peratus daripada jumlah pengeluaran telah diluluskan.

Projek-projek ini melibatkan pelaburan berjumlah RM33.16 bilion, dikuasai pelaburan asing sebanyak RM24.58 bilion atau 74.1 peratus, manakala pelaburan domestik menyumbang kepada baki sebanyak RM8.58 bilion atau 25.9 peratus.

## Pelaburan Asing Sektor Perkilangan



Industri-industri utama yang dipelopori projek berorientasikan eksport ini adalah produk E&E (RM13.36 bilion daripada 108 projek), kertas, percetakan dan penerbitan (RM5.61 bilion daripada 12 projek), dan produk mineral bukan logam (RM3.35 bilion daripada 19 projek).

## Industri-industri yang Berorientasikan Eksport



**Elektrikal dan Elektronik (E&E)**

**RM13.36** bilion

**Kertas, Percetakan dan Penerbitan**

**RM5.61** bilion

**Mineral Bukan Logam**

**RM3.35** bilion

Sektor perkilangan Malaysia kekal menjadi penyumbang terbesar kepada pendapatan eksport negara dan terus menjadi destinasi pilihan pelabur

## PELUANG PEKERJAAN BERTERUSAN

Projek yang diluluskan bagi tahun 2019 dijangka akan menjana peluang pekerjaan kepada 78,606 individu. Daripada jumlah ini, 27,843 atau 35.4 peratus adalah dalam bidang pengurusan, teknikal dan penyeliaan, termasuk 9,545 atau 12.1 peratus adalah terdiri daripada pekerja mahir manakala 50,763 atau 64.6 peratus pekerjaan dalam bidang jualan dan pengkeranian, pengendali jentera/mesin, pemasang dan lain-lain. Kebanyakan peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah dalam sektor E&E sebanyak 22,936 pekerjaan, produk getah sebanyak 7,122 pekerjaan, dan diikuti kertas, percetakan dan penerbitan sebanyak 6,587 pekerjaan.

Kerajaan juga terus meluluskan jawatan-jawatan ekspatriat, terutamanya dalam bidang pengurusan dan teknikal bagi syarikat milik tempatan dan asing. Sejumlah 1,167 jawatan ekspatriat diluluskan pada tahun 2019, di mana 271 daripadanya terdiri daripada jawatan utama yang boleh disandang secara tetap oleh rakyat asing. Sementara baki 896 adalah kelulusan jawatan bertempoh untuk tiga hingga lima tahun, di mana rakyat Malaysia perlu dilatih untuk mengambil alih jawatan tersebut.

### Peluang Pekerjaan dalam Sektor Perkilangan pada Tahun 2019



**Elektrikal dan Elektronik (E&E)**  
**22,936** pekerjaan

**Produk Getah**  
**7,122** pekerjaan

**Kertas, Percetakan dan Penerbitan**  
**6,587** pekerjaan

### Penjanaan Peluang Pekerjaan Sektor Perkilangan pada Tahun 2019

**Jualan dan Pengkeranian,  
Pengendali Jentera/Mesin,  
Pemasang dan lain-lain**

**50,763**  
64.6%

**Pengurusan, Teknikal  
dan Penyeliaan**


**18,298**  
35.4%

**Pekerja Mahir**

**9,545**  
12.1%

=  
**78,606**

### 5 Negeri penerima nilai pelaburan terbesar



### PROJEK DILULUSKAN

Bagi tahun 2019, majoriti projek yang diluluskan adalah tertumpu di Negeri Selangor (315 projek), Johor (209 projek) dan Pulau Pinang (166 projek) di mana sebanyak 690 atau 69.8 peratus daripada projek yang diluluskan terletak di tiga negeri ini. Dari segi nilai, Selangor merupakan penerima pelaburan terbesar sebanyak RM17.04 bilion, diikuti Pulau Pinang (RM16.86 bilion), Kedah (RM11.48 bilion), Johor (RM11.46 bilion) dan Perak (RM6.59 bilion). Kelima-lima negeri ini menyumbang 76.7 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan pada tahun 2019.

### PELAKSANAAN BERTERUSAN PROJEK PERKILANGAN

Dengan penambahan 988 projek yang diluluskan pada tahun 2019, jumlah projek perkilangan yang diluluskan dalam tempoh 5 tahun (2015-2019) kini adalah sebanyak

3,809 projek. Secara keseluruhannya hampir 2,794 daripada projek ini telah dilaksanakan sehingga ke hari ini. Jumlah keseluruhan modal pelaburan bagi 2,794 projek ini adalah berjumlah RM208.52 bilion. Selangor merupakan negeri yang menjalankan projek perkilangan tertinggi diikuti dengan Johor, Pulau Pinang, Kedah dan Perak.

### PROJEK BERINTENSITIKAN MODAL

Projek berintensitikan modal yang diluluskan dalam sektor perkilangan bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM1,052,497 pengurangan 28.6 peratus daripada RM1,473,600 bagi tahun 2018. Industri yang mencatatkan kadar nisbah pelaburan modal setiap pekerja (CIPE) tertinggi adalah gas asli dengan RM4,140,449 diikuti dengan produk petroleum termasuk petrokimia sebanyak RM2,891,146 dan produk mineral bukan logam sebanyak RM2,091,164.



# PRESTASI PELABURAN SEKTOR PERKHIDMATAN

*Sektor perkhidmatan terus menyerlah pada tahun 2019 dengan peningkatan sebanyak 14.6 peratus, sekali gus menjadikan sektor ini antara sektor terpenting dalam pertumbuhan ekonomi negara.*

Di sebalik cabaran ekonomi global yang tidak menentu, sektor perkhidmatan Malaysia yang pelbagai terus berkembang pada kadar yang lebih cepat iaitu 6.1 peratus pada suku keempat tahun 2019, berbanding 5.9 peratus pada suku sebelumnya.

Sektor perkhidmatan menyumbang kepada lebih 55 peratus ekonomi Malaysia dan merupakan penyumbang utama, selain daripada sektor perkilangan.

Pertumbuhan sektor ini didorong oleh beberapa faktor antaranya perbelanjaan berkaitan pengguna yang teguh, khususnya bagi subsektor makanan dan minuman dan tempat tinggal, serta kenderaan bermotor, pendapatan daripada bayaran yang lebih tinggi dalam subsektor kewangan dan insuran, permintaan berterusan untuk perkhidmatan komunikasi data bagi subsektor maklumat dan komunikasi, dan trafik penumpang udara serta aktiviti berkaitan pelabuhan yang stabil dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan.

## MENDEPANI CABARAN SEMASA


Memacu pelan pasca 2019, pertumbuhan suku pertama tahun 2020 dijangka akan terkesan daripada penularan wabak Covid-19. Sektor yang dijangka menerima impak besar akibat wabak ini adalah sektor pelancongan dan industri yang berkaitan. Magnitud kesannya ke atas ekonomi Malaysia adalah bergantung kepada tempoh wabak tersebut dan keberkesanan polisi yang dibentuk bagi menanganinya.

Dalam usaha menangani situasi ini, MIDA bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk merangka pakej rangsangan terbaik bagi mengurangkan impak negatif kepada ekonomi negara.

**Sektor perkhidmatan menyumbang kepada lebih 55% ekonomi Malaysia dan merupakan antara penyumbang utama ekonomi negara**

## PELABURAN YANG DILULUSKAN

Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2019 bagi sektor perkhidmatan telah mencatat lebih separuh daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan. Sektor ini terus menjadi tuggak pertumbuhan ekonomi negara di mana kelebihan Malaysia sebagai pusat perniagaan dan pelaburan telah berjaya menarik 4,233 projek dengan pelaburan sebanyak RM121.7 bilion.



## PRESTASI PELABURAN DOMESTIK DAN ASING


Walaupun pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan didominasi oleh pelaburan domestik, namun pelaburan asing juga telah menunjukkan peningkatan sebanyak 53.4 peratus, daripada RM16.1 bilion pada tahun 2018 kepada RM24.7 bilion pada tahun 2019.

Pelaburan yang diluluskan bagi sektor perkhidmatan adalah kebanyakannya daripada pelaburan tempatan iaitu sebanyak 79.7 peratus daripada jumlah keseluruhan iaitu RM97 bilion dan pelaburan asing melengkapkan baki 20.3 peratus dengan jumlah pelaburan diluluskan sebanyak RM24.7 bilion.



Pada tahun 2019, lima penyumbang utama pelaburan yang diluluskan untuk sektor perkhidmatan adalah subsektor harta tanah (RM40.9 bilion), utiliti (RM33.1 bilion), pertumbuhan global (RM11.8 bilion), perdagangan pengedaran (RM11.7 bilion) dan perkhidmatan sokongan (RM5.7 bilion). Secara keseluruhannya, lima subsektor ini mewakili 87 peratus atau RM102.7 bilion pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan.

## 5 Subsektor Perkhidmatan Tertinggi pada Tahun 2019



## MALAYSIA KEKAL MENJADI PILIHAN

Pelabur asing terus menunjukkan minat berterusan untuk menjadikan Malaysia sebagai pangkalan capaian global mereka di rantau ini. Antara sumber utama pelaburan asing ke dalam sektor perkhidmatan termasuklah Amerika Syarikat, Jepun, Mauritius, Singapura, dan Republik Rakyat China. Kelima-lima negara ini menyumbang sebanyak 89.6 peratus kepada pelaburan asing negara bagi sektor ini.



## PRESTASI PELABURAN SEKTOR UTAMA

Sektor utama mencatatkan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM7 bilion pada tahun 2019, berbanding RM10.9 bilion pada tahun 2018. Subsektor perlombongan meneraju sebahagian besar pelaburan di sektor utama iaitu 93.9 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Manakala subsektor perladangan dan komoditi, dan subsektor pertanian, masing-masing mencatatkan pelaburan sebanyak RM291.6 juta dan RM135.1 juta.

### PERTANIAN

Subsektor pertanian mencatatkan peningkatan dua kali ganda berbanding tahun sebelumnya dengan sembilan projek yang diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM135.08 juta pada tahun 2019. Projek ini dijangka mewujudkan lebih 407 peluang pekerjaan.

Kesemua projek yang diluluskan adalah dari sumber domestik. Dua projek utama adalah projek penanaman durian di Pahang sebanyak RM73.33 juta dan projek penghasilan benih cendawan tiram di Negeri Sembilan yang bernilai RM28.3 juta.

#### Subsektor Pertanian



Jumlah Pelaburan  
**RM 135.08** juta



Jumlah Projek  
yang Diluluskan  
**9**



Peluang Pekerjaan  
**407**

## PERLOMBONGAN

Pelaburan bagi subsektor perlombongan merangkumi cari gali minyak dan perlombongan mineral lain. Sebanyak 38 projek diluluskan pada tahun 2019 dengan pelaburan berjumlah RM6.60 bilion, menyumbang sebanyak 93.9 peratus kepada jumlah keseluruhan pelaburan dalam sektor utama.

Sejumlah RM3.80 bilion atau 57.6 peratus daripada keseluruhan pelaburan adalah daripada sumber asing, manakala pelaburan domestik berjumlah RM2.79 bilion atau 42.4 peratus. Projek ini dijangka mewujudkan 106 peluang pekerjaan baharu.


### Subsektor Cari Gali Minyak dan Perlombongan Mineral Lain



## PERLADANGAN DAN KOMODITI

Subsektor kelapa sawit dan getah merekodkan pelaburan sebanyak RM291.61 juta bagi 19 projek yang diluluskan daripada sumber domestik bagi tahun 2019. Projek ini dijangka akan mewujudkan 513 peluang pekerjaan. Daripada keseluruhan projek-projek yang diluluskan, sebanyak RM222.93 juta adalah daripada penanaman semula dan penanaman baharu getah.

### Subsektor Kelapa Sawit dan Getah



# MEMBANTU PERKEMBANGAN INDUSTRI AUTOMOTIF: KERJASAMA MIDA BERSAMA MAA



*Industri automotif merupakan salah satu sektor perindustrian utama di Malaysia. Industri ini menyumbang kira-kira RM40 bilion atau empat peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, dengan memiliki lebih daripada 600,000 tenaga kerja, merangkumi 53,000 untuk khidmat selepas jualan, dan sekitar 800 pembekal komponen. Sehingga kini, Malaysia mempunyai 27 pengeluar kenderaan (OEM) yang menghasilkan kenderaan penumpang, kenderaan dua roda dan kenderaan komersil.*

## MENINGKATKAN AKTIVITI DOMESTIK DALAM INDUSTRI AUTOMOTIF

Pada 2 April 2019, MIDA telah menganjurkan sebuah program yang dikenali sebagai Program Lokalisasi Bagi Industri Automotif 2019 dengan tema “Local2Global” dengan kerjasama Persatuan Automotif Malaysia (MAA) bertempat di ibu pejabat MIDA. Program tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pemain industri automotif dengan kehadiran hampir 100 peserta ahli MAA, termasuk para pengilang (OEM) dan vendor tempatan.

Menerusi program ini, pelbagai perkara dan agenda penting telah diketengahkan. Antara perkara utama yang dibincangkan adalah inisiatif yang dilaksanakan dalam usaha untuk meningkatkan aktiviti lokalisasi. Inisiatif ini akan memberi faedah kepada semua pemegang taruh serta menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam industri berkenaan.

Kerjasama yang erat antara OEM, vendor tempatan dan Kerajaan adalah penting bagi membangunkan industri automotif tempatan. Melalui kerjasama berterusan antara semua pemegang taruh yang berkepentingan, usaha untuk meningkatkan pembangunan industri automotif Malaysia akan dapat dilaksanakan, bukan sahaja dalam aspek pemindahan teknologi dan kepakaran, malah turut menyumbang kepada penambahan peluang pekerjaan yang bernilai tinggi.

Pihak kerajaan dan pemain industri automotif pastinya akan terus berganding bahu bagi meningkatkan daya saing dengan menghasilkan kenderaan buatan Malaysia yang berkualiti untuk pasaran eksport dan tempatan. Perkembangan ini sekali gus akan mengangkat industri automotif Malaysia ke suatu tahap yang lebih tinggi.





# 05

## AKTIVITI PROMOSI PELABURAN



# PENGGALAKAN PELABURAN ASING

## Menjana Pelaburan untuk Kemakmuran Malaysia

*Kerajaan sedar bahawa pelaburan asing adalah penting dalam memacu ekonomi Malaysia. Justeru kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan Malaysia terus menjadi destinasi pilihan bagi pelabur asing di rantau ini.*

*MIDA yang diberi mandat oleh kerajaan sebagai agensi pelaburan utama negara, akan terus menarik dan menyasarkan pelaburan asing berkualiti serta memastikan kesan langsung daripada pelaburan berkenaan boleh dimanfaatkan dan diakses oleh pemain industri tempatan.*

Antara langkah utama yang diambil oleh MIDA untuk meraih pelaburan luar adalah melaksanakan pendekatan berfokus dan pendekatan ekosistem dalam usaha menarik pelaburan berkualiti. Ini dilaksanakan dengan memberi penekanan terhadap industri bernilai tambah tinggi, berintensifkan modal, berintensifkan pengetahuan, industri berteknologi tinggi seperti Industri 4.0, serta aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D). Dalam konteks ini, pelbagai galakan pelaburan berbentuk fiskal dan bukan fiskal

bagi mempromosikan industri-industri tersebut telah diperkenalkan dan ditambahbaik secara berterusan.

Pelbagai program dan aktiviti promosi telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 bagi menarik pelaburan asing di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Program khas yang telah dijalankan termasuklah Misi Perdagangan dan Pelaburan (TIM), Persidangan Meja Bulat (RTM), dan Misi Projek Khas (SPM). Manakala bagi aktiviti promosi pula adalah

seperti seminar antarabangsa, seminar kecil, forum dan juga dialog bersama Dewan Perniagaan.

Program-program ini dilaksana dengan sasaran untuk menarik pelaburan baru serta menggalakkan pelaburan semula terutamanya dalam industri teknologi tinggi, berintensifkan modal, berintensifkan pengetahuan dan bernilai tambah tinggi. Usaha ini sekali gus menunjukkan komitmen tinggi MIDA dalam memenuhi mandatnya.

### MISI PERDAGANGAN DAN PELABURAN

MIDA telah menganjurkan dan mengambil bahagian dalam lima misi perdagangan dan pelaburan di luar negara sepanjang tahun 2019. Misi ini adalah sebahagian daripada usaha untuk menarik aliran masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang berkualiti.

Misi ini diketuai oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sendiri serta melibatkan penyertaan daripada pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, koridor ekonomi, serta wakil dari sektor swasta.

Pemilihan destinasi bagi misi ini adalah disasarkan kepada negara-negara pengekspor utama modal dan teknologi. Ia adalah suatu pendekatan bagi tujuan membuat sebaran maklumat tentang keadaan semasa ekonomi negara menerusi penganjuran seminar, mesyuarat meja bulat dan program-program berkaitan dengan pelaburan yang berpotensi di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di negara ini.



Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Dato' Azman Mahmud memberikan ucapan di The Hague semasa Misi Perdagangan dan Pelaburan pada 5 November 2019.

### Misi Perdagangan dan Pelaburan 2019

29 Mac – 1 April 2019

**Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Amerika Syarikat**

Washington DC, New York, Seattle, San Jose, San Francisco

20 – 28 Mei 2019

**Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Argentina & Brazil dengan kerjasama APEC MRT Meeting di Valparaiso**

Santiago, Buenos Aires, Brasilia, Sao Paulo

18 – 24 Ogos 2019

**Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Australia dengan kerjasama Malaysia - Australia JTC Meeting**

Adelaide, Canberra, Melbourne

2 – 12 November 2019

**Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Eropah**

The Hague, Stuttgart, Berlin

29 November – 5 Disember 2019

**Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Jepun**

Kobe, Nagoya, Tokyo

## LAWATAN RASMI PEGAWAI TINGGI KERAJAAN DAN PENGURUSAN TERTINGGI MIDA

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 16 lawatan kerja ke luar negara diadakan yang diketuai oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan seperti YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri MITI dan YB Timbalan Menteri MITI. Selain itu, sembilan lawatan kerja diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif MIDA.

MIDA terlibat di dalam pengendalian program bersama komuniti perniagaan tempatan seperti *Round Table Meeting with Captains of Industry* serta pertemuan empat mata bersama pelabur berpotensi. Selain itu MIDA juga berperanan dalam memberikan khidmat nasihat kepada pegawai tinggi kerajaan dan menjadi pusat rujukan dalam perkara berkaitan dengan pelaburan negara-negara yang terlibat.

### Lawatan Rasmi Pegawai Tinggi Kerajaan dan Pihak Pengurusan MIDA 2019

#### Lawatan Rasmi

- 17 Jun 2019  
**YAB Perdana Menteri ke UK**
- 20 - 22 Jun 2019  
**YAB Perdana Menteri ke Thailand**
- 23 - 26 Jun 2019  
**YB Timbalan Menteri MITI ke China**
- 8 - 11 Julai 2019  
**YAB Timbalan Perdana Menteri ke China**
- 24 - 27 Julai 2019  
**YAB Perdana Menteri ke Turki**
- 14 - 17 Ogos 2019  
**YB Timbalan Menteri MITI ke China**

- 26 - 28 Ogos 2019  
**YAB Perdana Menteri ke Vietnam**
- 28 - 30 Ogos 2019  
**YB Timbalan Menteri MITI ke Singapura**
- 2 - 4 September 2019  
**YAB Perdana Menteri ke Kemboja**
- 19 - 22 September 2019  
**YB Menteri MITI ke China**
- 23 September - 1 Oktober 2019  
**YB Menteri MITI ke Itali**
- 30 Oktober - 9 November 2019  
**YB Timbalan Menteri MITI ke China**
- 25 - 28 November 2019  
**YAB Perdana Menteri ke Republik Korea**
- 9 - 14 Disember 2019  
**YAB Perdana Menteri ke Qatar**



YAB Perdana Menteri dalam sesi perbincangan bersama para delegasi semasa lawatan beliau ke Qatar.

## Misi MIDA ke Luar Negara 2019



6 - 9 Mac 2019  
Misi MIDA ke Filipina

28 Mac - 3 April 2019  
Misi MIDA ke Nepal dan India  
bersempena *Nepal Investment  
Summit 2019*



21 April - 4 Mei 2019  
Misi MIDA ke Eropah bersempena  
*International Economic Summit,  
Kazan ke - 11*

1

2

3

5 - 8 September 2019  
Misi MIDA ke Jepun bersempena  
*Eastern Economic Forum,  
Vladivostok*



22 - 27 Julai 2019  
Misi MIDA ke Taiwan bersempena  
*2019 Taiwan-ASEAN Forum,  
IWG-MTECC Meeting dan 2019  
Investment Seminar Deloitte-Grand  
Fortune Securities-MIDA*



28 Mei - 1 Jun 2019  
Misi MIDA ke Jepun  
bersempena *Nikkei International  
Conference ke - 25*



6

5

4

20 - 27 Oktober 2019  
Misi MIDA ke UK bersempena  
*The World Chinese Entrepreneurs  
Convention*



24 - 28 September 2019  
Misi MIDA ke China





4 - 5 Disember 2019  
Misi MIDA ke Singapura bersempena  
*International Innovation Summit (IIS)  
& International Innovation Awards*

7

8

9





*Malaysia Korea Business Forum 2019,  
Hotel Mandarin Oriental, bersama  
wakil-wakil dari kedua-dua buah negara.*

## SEMINAR / FORUM ANTARABANGSA DAN PROGRAM KEPIMPINAN INDUSTRI

Sebagai salah satu strategi promosi pelaburan, MIDA terlibat dalam beberapa rangkaian program dan inisiatif melibatkan komuniti perniagaan dan pelabur antarabangsa. Pada tahun 2019, Bahagian Penggalakan Pelaburan Asing MIDA telah menganjurkan Program Kepimpinan Industri (*Industry Leadership Programme*) serta seminar dan forum perniagaan.

Program Kepimpinan Industri diwujudkan bagi menarik tokoh perniagaan luar negara untuk lebih memahami ekosistem pelaburan dan perindustrian di Malaysia seterusnya membantu mempromosikan Malaysia dalam kalangan komuniti perniagaan di negara masing-masing.

### Seminar / Forum / Dialog Antarabangsa

<b>28 Januari - 1 Februari 2019</b>  <i>Industry Leadership Programme for Honorary Consul of Malaysia to Barcelona</i>	<b>12 - 14 Mac 2019</b>  <i>Malaysia-Korea Business Forum in conjunction with visit of Korea President to Malaysia</i>	<b>22 - 30 April 2019</b>  <i>Industry Leadership Programme for CEO and Founder of Linara Group</i>	<b>29 - 30 April 2019</b>  <i>World Football Summit Asia</i>
--	--	---	--

## LAWATAN PELABUR DAN DELEGASI ASING

Pada tahun 2019, MIDA menerima lebih daripada 150 lawatan daripada delegasi serta pelabur dari luar negara. Semasa lawatan berkenaan, MIDA telah memberi taklimat menyeluruh mengenai dasar, kemudahan, insentif dan peluang pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia kepada pelabur berpotensi ini.

## MAKLUM BALAS PERTANYAAN DAN TAKLIMAT

Sepanjang tahun 2019, MIDA menerima sekitar 160 pertanyaan daripada syarikat asing dan tempatan

mengenai penubuhan projek perkilangan dan perkhidmatan. MIDA telah memberi maklum balas kepada pertanyaan ini dengan mengadakan taklimat kepada delegasi asing, sektor swasta, persatuan industri, dewan perniagaan dan agensi Kerajaan untuk memaklumkan mengenai dasar terkini, insentif dan ekosistem perniagaan di Malaysia.

Peranan memberi maklum balas dan penerangan melalui taklimat ini akan sentiasa dilaksanakan secara berterusan oleh MIDA. Ini menunjukkan bagaimana MIDA terus berperanan sebagai agensi penggalak pelaburan utama di Malaysia dan kekal komited dalam memenuhi mandatnya.



# PENGGALAKAN PELABURAN DOMESTIK

## Memperhebat Industri Pelaburan Tempatan

*Sebagai sebuah organisasi yang mencecah usia setengah abad, MIDA tetap teguh berpegang kepada keutamaan yang sama iaitu memastikan Malaysia mencapai matlamat serta mewujudkan kemakmuran yang manfaatnya boleh dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-11.*

*Dalam memastikan Malaysia terus menikmati pertumbuhan ekonomi yang mampan di masa hadapan, syarikat tempatan juga mestilah turut bersama-sama memainkan peranan yang lebih agresif dalam memacu agenda pelaburan Malaysia. Oleh itu, Kerajaan akan sentiasa menggembeleng tenaga untuk memperkuatkannya dan meningkatkan pelaburan domestik di negara ini, dimana MIDA akan terus memainkan peranannya sebagai fasilitator kepada syarikat-syarikat domestik dalam negara.*

Sebagai usaha untuk menggalakkan pelaburan domestik, MIDA melalui Bahagian Pelaburan Tempatan dan Penyelarasan Rantaian Bekalan (DISC) dan pejabat-pejabat Negeri terus melaksanakan pelbagai inisiatif seperti berikut :

### 1) Membentuk Landskap Pelaburan Domestik

#### **Siri Persidangan Pelaburan MIDA: Menyerlahkan potensi pelaburan setiap negeri**

Program ini bertujuan untuk memaklumkan komuniti perniagaan mengenai peluang pembangunan dan pelaburan terkini di negeri masing-masing. Sehingga kini, sembilan negeri telah membuat pembentangan, iaitu Selangor, Pulau Pinang, Perlis, Kedah, Kelantan, Pahang, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

#### **Forum Taman Perindustrian Mengukuhkan Ekosistem Sektor Perkilangan**

Forum ini merupakan usahasama di antara MIDA dan Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM) dalam mengukuhkan ekosistem sektor perkilangan melalui pembangunan dan pengurusan taman perindustrian. Kehadiran taman perindustrian yang maju mampu menarik pelaburan bernilai tinggi, sekali gus mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi untuk rakyat. Sehingga kini, MIDA telah menganjurkan lima forum yang merangkumi wilayah tengah, selatan dan utara serta Borneo (Sabah). Forum terakhir yang telah diadakan di Kuala Lumpur turut menyaksikan pelancaran Direktori Taman Perindustrian yang pertama.

### 2) Menambahbaik Pertumbuhan Syarikat Domestik

#### **Inisiatif Platform Koordinasi Pelaburan Domestik (DICP)**

MIDA yakin bahawa dengan mendorong pemain tempatan untuk meningkatkan dan mengisi jurang dalam ekosistem perniagaan, Malaysia akan menjadi destinasi pelaburan pilihan di rantau ini untuk syarikat multinasional (MNC). Menyedari kepentingan pelaburan domestik dalam pertumbuhan ekonomi negara, syarikat tempatan terus digalakkan untuk meningkatkan kemampuan mereka dengan melibatkan diri dalam rantaian bekalan global.

Oleh itu, salah satu inisiatif yang dijalankan oleh MIDA adalah melalui penubuhan pasukan

yang berdedikasi iaitu Inisiatif Platform Koordinasi Pelaburan Domestik (DICP). Pasukan ini bertujuan untuk membantu perniagaan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merapatkan jurang potensi kewangan dan teknologi. Pasukan ini bekerjasama rapat dengan pengawal selia tempatan, penyedia teknologi, institusi kewangan serta firma penasihat ekuiti dan korporat untuk memudahkan syarikat tempatan mengembangkan perniagaan mereka. Usaha ini akan menggalakkan lebih banyak Pelaburan Langsung Domestik (DDI) di negara ini. Sehingga kini, lebih daripada 160 syarikat dan 50 rakan strategi dan teknologi telah mendapat manfaat daripada inisiatif berkenaan.

Pasukan ini telah berjaya melibatkan pelbagai pihak berkepentingan di seluruh industri melalui sesi penglibatan strategik seperti perjumpaan perniagaan, usaha sama, dan perbincangan penggabungan dan pengambilalihan (M&A), pengumpulan modal untuk projek-projek baru serta sesi maklumat penawaran awam awal.

### 3) Memperkasakan Syarikat Tempatan yang Berpotensi

#### **Pusat Rujukan Pelaburan PKS**

Inisiatif ini bertindak sebagai Pusat Sehenti untuk membantu dan memberi nasihat kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengenai inisiatif dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan. Inisiatif ini akan membolehkan syarikat tempatan khususnya PKS mempunyai saluran kepada ibu pejabat atau di kesemua pejabat MIDA negeri bagi mendapatkan panduan dan nasihat mengenai inisiatif dan kemudahan kerajaan. Kemudahan ini akan meningkatkan produktiviti syarikat serta membentuk kerjasama perniagaan yang mampu melalui pembangunan rantaian bekalan peringkat tempatan, serantau dan global.

Pada tahun 2019, MIDA telah menganjurkan lebih daripada 54 program termasuk mesyuarat meja bulat, sesi suai kenal dan program jangkauan melalui pejabat-pejabat negeri MIDA.

#### **Program Ekosistem Syarikat Permulaan (Start-up)**

Inisiatif ini bertujuan untuk mempromosikan dan mengembangkan sektor Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta menggalakkan inovasi berterusan. Ia merupakan suatu platform kepada

Syarikat Permulaan dan penyelidik universiti untuk mempromosikan sebarang penemuan, inovasi dan hasil penyelidikan teknologi mereka. Hasil promosi ini membuka peluang kepada mereka untuk mengumpul wang permulaan atau menjual produk mereka kepada industri yang berpotensi. Program ini dijangka akan menjadi pemangkin kepada bakal pelabur dan industri dalam mengkomersialkan hasil penyelidikan dan inovasi mereka.

MIDA telah menganjurkan dua program untuk tujuan berkenaan sepanjang tahun 2019 iaitu *Tech Startups Pitching Session: SEMICON SEA 2019* dan *Innovation Pitch dan Business Matching - IPBM 2019*.

#### **Sesi Libat Urus dengan Persatuan-Persatuan Industri dan Dewan Perniagaan Tempatan**

Inisiatif ini juga merupakan salah satu pendekatan dalam menyalurkan maklumat terkini kepada syarikat-syarikat tempatan dan PKS mengenai peranan dan kemudahan pelaburan dari MIDA serta inisiatif terkini kerajaan dalam mempromosikan pelaburan domestik. Setiap mesyuarat dan sesi dialog ini diadakan melalui kerjasama dengan Persatuan-Persatuan Industri dan Dewan Perniagaan Tempatan. Aktiviti ini sekali gus menggalakkan interaksi antara MIDA dan para pemain industri.

#### **Seminar Pelaburan Domestik**

Seminar ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MIDA untuk memberi pendedahan berterusan kepada pemain industri mengenai dasar dan kemudahan terkini yang tersedia. Seminar ini membuka peluang kepada komuniti perniagaan untuk meluaskan rangkaian dengan agensi-agensi kerajaan lain dan berbincang mengenai potensi untuk menjalin kerjasama dalam perniagaan.

#### **Misi Projek Khusus Domestik (DSPM)**

Inisiatif ini dilaksana dengan mengadakan lawatan ke syarikat-syarikat berpotensi di seluruh negara bagi mengadakan perbincangan mengenai rancangan pelaburan syarikat. Misi ini akan membantu memudahkan syarikat-syarikat untuk merealisasikan cadangan penubuhan kilang baru atau mengembangkan aktiviti pengeluaran di dalam negara.

- 4) Membawa Pemain Tempatan ke Peringkat Antarabangsa

#### **Program Jalinan Industri (ILP) / Program Rantaian Bekalan**

Program ini akan melibatkan pengintegrasian syarikat domestik dengan Syarikat Multinasional (MNC) dengan syarikat-syarikat besar tempatan terpilih melalui bantuan daripada kemudahan kerajaan. Objektif program ini adalah untuk menyokong MNC dan syarikat-syarikat besar tempatan untuk:

- Mengadakan penyumberan luar produk atau aktiviti pengilangan mereka kepada syarikat-syarikat domestik;
- Mewujudkan peluang untuk syarikat-syarikat domestik bagi mengurangkan jurang dalam rantaian bekalan kepada MNC dan syarikat-syarikat besar tempatan;
- Membangunkan pertumbuhan industri sokongan di dalam perindustrian utama; dan
- Mewujudkan peluang bagi syarikat-syarikat tempatan dan PKS untuk mempunyai akses pasaran yang lebih besar di dalam dan luar negara.

MIDA dengan kerjasama Exim Bank telah menganjurkan *Samsung Electronic (M) Sourcing Fair 2019*. Program ini dihadiri oleh 42 vendor berpotensi yang terdiri daripada 20 syarikat baharu dan 22 syarikat sedia ada. Selain itu, *Supply Chain Programme 2019* turut diadakan oleh Pejabat MIDA negeri bersama syarikat terpilih. Antaranya MIDA Kedah bersama Syarikat First Solar, MIDA Selangor bersama IKEA Supply (Malaysia) dan MIDA Melaka bersama Sanjet (Malaysia). Di samping itu, bagi industri aeroangkasa dan industri mesin dan peralatan, misi *MIDA-Turkey Industry Linkage Programme (ILP) 2019* turut diadakan.

Secara keseluruhannya, program-program yang dijalankan telah berjaya menggalakkan aktiviti pelaburan berterusan baik pelaburan antarabangsa maupun domestik. Hasil pelaksanaan program-program ini juga telah diterjemahkan melalui pengekalan prestasi pelaburan yang baik pada tahun 2019.

## Aktiviti Promosi Pelaburan Domestik 2019

Seminar Pelaburan Domestik			
19 Mac	Seminar Pelaburan Domestik <b>Negeri Sembilan</b> Hotel Klana Resort, Negeri Sembilan	22 Ogos	Seminar Pelaburan Domestik Selangor Hotel Grand Dorsett Subang, Subang, Selangor
26 Jun	Seminar Pelaburan Domestik <b>Sarawak</b> Hotel Pullman, Kuching, Sarawak	16 Disember	Seminar Pelaburan Domestik Sabah Hotel Hilton, Kota Kinabalu, Sabah
16 Julai	Seminar Pelaburan Domestik <b>Pulau Pinang</b> Hotel Olive Tree, Bayan Lepas, Pulau Pinang		

Siri Pelaburan MIDA : Meneroka Potensi Perniagaan Negeri - Negeri			
29 Januari	Siri Pelaburan MIDA: Sarawak MIDA Sentral, Kuala Lumpur	7 Ogos	Siri Pelaburan MIDA : Selangor MIDA Sentral, Kuala Lumpur
15 Mei	Siri Pelaburan MIDA : Pulau Pinang MIDA Sentral, Kuala Lumpur		

Platform Koordinasi Pelaburan : Sesi Penerangan Berkaitan Dana			
8 Ogos	Forum Pelaburan Ekuiti MIDA Sentral, Kuala Lumpur	20 November	Seminar MIDA-BURSA MIDA Sentral, Kuala Lumpur
3 September	Sesi Taklimat dan Perkongsian mengenai Peluang Pembiayaan MIDA Sentral, Kuala Lumpur		

Platform Koordinasi Pelaburan : Kerjasama Bersama Syarikat-Syarikat			
25 Jun	Kerjasama bersama syarikat- syarikat Sarawak Sarawak	14 November	Kerjasama bersama syarikat- syarikat Perak Perak
15 Julai	Kerjasama bersama syarikat- syarikat Pulau Pinang Pulau Pinang	17 Disember	Kerjasama bersama syarikat- syarikat Sabah Sabah

MIDA Pocket Talks bersama Persatuan / Dewan Perniagaan / Pembekal Syarikat Multinasional			
11 Februari	<i>Malaysian Associated Indian Chamber of Commerce and Industry</i> MIDA Sentral, Kuala Lumpur	10 September	<i>Klang Chinese Chamber of Commerce &amp; Industry (KCCCI)</i> MIDA Sentral, Kuala Lumpur
11 Februari	<i>Malaysia-China Merge Acquisition Association</i> MIDA Sentral, Kuala Lumpur	19 September	<i>Excellence Success Academy</i> MIDA Sentral, Kuala Lumpur
7 Mac	<i>Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) Cawangan Sarawak</i> MIDA Sarawak, Sarawak	18 November	<i>Persatuan Pengilang &amp; Industri Perkhidmatan Bumiputra Malaysia (PPIPBM)</i> MIDA Sentral, Kuala Lumpur
8 Mac	<i>Sarawak Chamber of Commerce</i> MIDA Sarawak, Sarawak	18 November	<i>Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM)</i> MIDA Sentral, Kuala Lumpur
13 Mac	<i>Perdasama (Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia)</i> Menara Safuan, Kuala Lumpur	19 November	<i>Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM)</i> MIDA Sentral, Kuala Lumpur
23 April	<i>SME Association of Malaysia</i> MIDA Sentral, Kuala Lumpur	20 November	<i>Federation of Malaysia Lim Association</i> MIDA Sentral, Kuala Lumpur
25 April	<i>Dewan Perniagaan Usahawan Kecil Malaysia</i> MIDA Sentral, Kuala Lumpur	11 Disember	Taklimat (PPIPBM, DPMM, DPIM) MIDA Sentral, Kuala Lumpur
2 Ogos	<i>Sesi Taklimat dan Perkongsian bersama Malaysian Indian Network of Entrepreneurs Association (1MINE)</i> MIDA Sentral, Kuala Lumpur		

Program Sokongan Kepada Ekosistem Syarikat Pemula			
8 Mei	<i>Tech Startups Pitching Session: SEMICON SEA 2019</i> MITEC, Kuala Lumpur	5 Ogos	<i>Innovation Pitch and Business Matching - IPBM 2019</i> MIDA Sentral, Kuala Lumpur

Pameran / Summit / Persidangan			
17 Julai	<i>Beyond Paradigm Summit 2019</i> MITEC, Kuala Lumpur		

# MENJANA PELUANG PERNIAGAAN MELALUI PELABURAN EKUITI



*Pemain industri tempatan termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) adalah antara penyumbang utama kepada ekonomi negara. Namun salah satu kekangan yang sering mereka hadapi adalah dana yang terhad bagi mengembangkan perniagaan.*

Sehubungan dengan itu, bagi menangani situasi ini MIDA telah tampil dengan suatu inisiatif dengan memperkenalkan peluang pembiayaan melalui pelaburan ekuiti kepada pemain-pemain industri tempatan. Inisiatif ini akan dapat membantu pertumbuhan dan perkembangan syarikat-syarikat tempatan terutamanya PKS.

Secara keseluruhan, peluang pembiayaan ini akan membantu syarikat-syarikat tempatan termasuk PKS untuk mengembangkan perniagaan sekali gus membantu melonjakkan ekonomi negara. Lebih dua pertiga daripada jumlah pekerjaan di dalam negara adalah daripada PKS dan mereka menyumbang hampir 40 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

## Siri Forum Peluang Pembiayaan Perniagaan

Selain itu, bagi memastikan para pemain industri tidak ketinggalan dalam era globalisasi serta revolusi perindustrian keempat (IR4.0), MIDA juga tampil dengan inisiatif pengajian siri forum Peluang Pembiayaan Perniagaan bertemakan "Pelaburan Ekuiti untuk Perkembangan Perniagaan" pada 8 Ogos 2019.

Forum ini dikendalikan oleh unit Platform Koordinasi Pelaburan Domestik (DICP) di bawah Bahagian Pelaburan Tempatan dan Penyelaras Rantaian Bekalan, MIDA. Pengajian forum ini telah membantu pemain industri tempatan memahami dengan lebih mendalam tentang pembiayaan perniagaan melalui kaedah pelaburan ekuiti oleh syarikat-syarikat pelaburan ekuiti milik kerajaan dan swasta.

Sambutan yang diterima amat menggalakkan dengan kehadiran hampir 200 orang peserta daripada pelbagai sektor pembuatan dan perkhidmatan di dalam negara. Forum ini menampilkan empat ahli panel yang mewakili firma-firma ekuiti iaitu Kumpulan Modal Pertama, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), COPE Private Equity dan Venture Tech Sdn Bhd. Sesi Panel ini memberikan penerangan dan perspektif yang lebih jelas kepada para peserta yang selama ini cenderung untuk hanya bergantung kepada pembiayaan konvensional perbankan semata-mata.

Ketersediaan peluang pembiayaan melalui pelaburan ekuiti ini pastinya akan memberikan para pemain industri lebih pilihan dan peluang untuk mengembangkan perniagaan. Ini sekali gus membolehkan mereka terus memberi sumbangan bermakna kepada pertumbuhan ekonomi negara.



# 06

## PENYATA KEWANGAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat Berteguran**

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 37.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

**Asas Kepada Pendapat Berteguran**

**1. Nota 3 - Tunai dan Kesetaraan Tunai RM174,313,079**

Bayaran RM10,000,000 yang dibuat kepada penerima geran pada bulan Januari 2020 telah direkodkan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. Ini menyebabkan Geran Tertunda telah terkurang nyata manakala Pendapatan Tertunda terlebih nyata sejumlah RM10,000,000.

## **2. Nota 5 - Hartanah, Loji dan Peralatan RM104,285,101**

Hartanah, Loji dan Peralatan dengan amaun bawaan berjumlah RM104,285,101 adalah termasuk amaun bawaan bagi bangunan MIDA Sentral sejumlah RM85,538,153. Bagaimanapun, hak milik strata bagi bangunan tersebut didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan pada 11 Mei 2015. Sehingga 31 Disember 2019, Hartanah, Loji dan Peralatan serta susut nilai tahun semasa bagi bangunan tersebut telah terlebih nyata masing-masing sejumlah RM85,538,153 dan RM2,138,358.

## **3. Nota 7 – Aset Tak Ketara RM2,691,598**

Termasuk dalam Aset Tak Ketara adalah *Program Management Office* dengan kos berjumlah RM2,434,232 dan disusut nilai dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. *Program Management Office* merupakan yuran profesional bagi projek yang masih di bawah Kerja Dalam Pelaksanaan. Ini menyebabkan Aset Tak Ketara terlebih nyata dan Kerja Dalam Pelaksanaan terkurang nyata sejumlah RM2,434,232 manakala susut nilai tahun semasa bagi Aset Tak Ketara tersebut terlebih nyata sejumlah RM486,846.

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

### **Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanannya kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia memberi gambaran yang saksama.


#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397) untuk disimpan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

#### **Hal-hal Lain**

- a. Saya ingin menarik perhatian terhadap kelemahan kawalan dalaman berkaitan pengurusan kewangan dan penyediaan penyata kewangan. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia perlu mengambil tindakan menyelesaikan isu berulang yang dibangkitkan dan meningkatkan kawalan dalaman termasuk memastikan rekod kewangan serta sistem perakaunan berkomputer dikemas kini. Ini bertujuan memastikan maklumat yang dipersembahkan dalam penyata kewangan adalah tepat dan betul.

- b. Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia berdasarkan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATIN SITI ZALEHA BINTI BAKAR)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA



PUTRAJAYA


16 DISEMBER 2020

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**  
**(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**  
**(Pindaan) 2011)**

**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI JEMAAH**

Kami, **DATO' ABDUL MAJID AHMAD KHAN** dan **TAN SRI DATO' SOH THIAN LAI** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Jemaah, **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Jemaah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, pada 31 Disember, 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Jemaah,



**DATO' ABDUL MAJID AHMAD KHAN**

PENGERUSI

24 JUN 2020

KUALA LUMPUR

Bagi pihak Jemaah,



**TAN SRI DATO' SOH THIAN LAI**

AHLI JEMAAH

24 JUN 2020

KUALA LUMPUR

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

Saya, **AZMAN MAHMUD** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di KUALA LUMPUR )  
pada 25 JUN 2020 )



**DATO' AZMAN MAHMUD**



Lot 1.14, Tingkat Bawah,  
Bangunan Medan Mara,  
50350 Jalan Raja Laut,  
Kuala Lumpur.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)****PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019**

	Nota	2019 RM	Dinyatakan semula 2018 RM
<b>ASET</b>			
<b>Aset Semasa</b>			
Tunai dan Kesetaraan Tunai	3	174,313,079	200,755,955
Deposit dengan Institusi Kewangan Berlesen		-	40,000,000
Pinjaman dan Akaun Belum Terima bagi Urus Niaga Pertukaran	4	<u>26,813,287</u>	<u>9,561,386</u>
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<u>201,126,366</u>	<u>250,317,341</u>
<b>Aset Bukan Semasa</b>			
Pinjaman dan Akaun Belum Terima bagi Urus Niaga Pertukaran	4	4,455,290	6,118,222
Hartanah, Loji dan Peralatan	5	104,285,101	100,281,117
Aset Pajakan	6	39,898,841	40,323,297
Aset Tak Ketara	7	2,691,598	947,239
Hartanah Pelaburan	8	<u>326,810</u>	<u>326,810</u>
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<u>151,657,640</u>	<u>147,996,685</u>
<b>Jumlah Aset</b>		<u>352,784,006</u>	<u>398,314,026</u>
<b>LIABILITI</b>			
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Akaun Belum Bayar	9	14,964,538	38,423,488
Geran Tertunda	10	145,459,985	182,477,675
Peruntukan Imbuhan Tahunan	11	5,978,228	3,500,000
Manfaat Pekerja	12	<u>385,984</u>	<u>711,961</u>
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<u>166,788,735</u>	<u>225,113,124</u>

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019  
(SAMBUNGAN)**

	Nota	2019 RM	Dinyatakan semula 2018 RM
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>			
Akaun Belum Bayar	9	730,196	1,226,052
Obligasi Pajakan	27	21,095	21,101
Manfaat Pekerja	12	<u>12,185,386</u>	<u>11,256,246</u>
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>		<u>12,936,677</u>	<u>12,503,399</u>
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<u>179,725,412</u>	<u>237,616,523</u>
<b>Aset Bersih</b>		<u><b>173,058,594</b></u>	<u><b>160,697,503</b></u>
<b>ASET BERSIH/EKUITI</b>	13		
- Kumpulan Wang Terkumpul Mengurus		169,708,594	157,347,503
- Kumpulan Wang Terkumpul Pembiayaan Komputer		350,000	350,000
- Kumpulan Wang Terkumpul Pinjaman Kenderaan		3,000,000	3,000,000
<b>Jumlah Aset Bersih/Ekuiti</b>		<u><b>173,058,594</b></u>	<u><b>160,697,503</b></u>

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)****PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2019**

	Nota	2019 RM	Dinyatakan semula 2018 RM
<b>Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran</b>			
Penerimaan daripada Geran Kerajaan	14	170,000,000	169,914,700
Pendapatan Tertunda daripada Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)		324,534,807	268,204,571
Pendapatan Tertunda daripada Akaun-Akaun Khas (Mengurus)		140,213	783,193
Pendapatan Tertunda daripada Akaun Pembangunan MIDA		<u>7,195,220</u>	<u>2,773,880</u>
		<u><u>501,870,240</u></u>	<u><u>441,676,344</u></u>
<b>Hasil daripada Urusniaga Pertukaran</b>			
Pendapatan Sewaan	15	1,526,826	1,345,636
Pendapatan Faedah/Keuntungan Hibah	16	8,295,133	5,882,843
Lain-lain Pendapatan		4,572,902	4,012,550
Hutang Ragu Dikutip		<u>114,739</u>	<u>32,635</u>
		<u><u>14,509,600</u></u>	<u><u>11,273,664</u></u>
<b>Jumlah Hasil</b>		516,379,840	452,950,008
<b>Belanja</b>			
Upah, Gaji dan Manfaat Pekerja	17	99,485,522	96,053,241
Perbelanjaan Sewaan		24,710,053	26,130,599
Perkhidmatan Ikhtisas/Lain dan Hospitaliti		22,826,203	24,566,299
Belanja Susutnilai dan Pelunasan	18	4,016,230	4,974,819
Penjejasan Aset Kewangan		81,248	78,777
Perhubungan dan Utiliti		8,003,777	10,341,226
Pembaikan dan Penyelenggaraan		6,900,951	6,983,000
Perjalanan dan Sara Hidup		9,375,245	8,707,871
Belanja Faedah		1,234	4,941
Belanja Lain	19	3,531,843	3,395,287
Pelunasan daripada Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)		324,534,807	268,204,571
Pelunasan daripada Akaun-Akaun Khas (Mengurus)		140,213	783,193
Pelunasan daripada Akaun Pembangunan MIDA		<u>9,985</u>	<u>16,088</u>
<b>Jumlah Belanja</b>		<u><u>503,617,311</u></u>	<u><u>450,239,912</u></u>

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)**

	Nota	2019 RM	Dinyatakan semula 2018 RM
<b>Lebihan/(Kurangan) Lain</b>			
Keuntungan atas Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan		33,655	87,554
Kerugian atas Pertukaran Matawang Asing		<u>(435,093)</u>	<u>(709,661)</u>
		<u>(401,438)</u>	<u>(622,107)</u>
<b>Lebihan Tahun Semasa</b>		<u><u>12,361,091</u></u>	<u><u>2,087,989</u></u>

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)****PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2019**

	Kumpulan Wang Terkumpul Mengurus Nota 13	Kumpulan Wang Terkumpul Pinjaman Kenderaan Nota 13	Kumpulan Wang Terkumpul Pembentangan Komputer Nota 13	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
<b>Baki pada 1 Januari 2018</b>	155,259,514	3,000,000	350,000	158,609,514
Lebihan	984,761	-	-	984,761
Pelarasan tahun terdahulu	1,103,228	-	-	1,103,228
<b>Baki pada seperti 31 Disember 2018</b>				
<b>seperti dinyatakan semula</b>	157,347,503	3,000,000	350,000	160,697,503
Lebihan	12,361,091	-	-	12,361,091
<b>Baki seperti pada 31 Disember 2019</b>	169,708,594	3,000,000	350,000	173,058,594

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

### PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM	Dinyatakan semula
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>				
Lebihan tahun semasa		12,361,091	2,087,989	
<b>Pergerakan bukan tunai</b>				
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan		2,754,806	2,956,294	
Pelunasan Aset Tak Ketara		836,968	320,702	
Pelunasan Aset Pajakan		424,456	1,697,823	
Belanja Faedah		1,234	4,941	
(Untung) Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan		(33,655)	(87,554)	
Rugi Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan		1,831	7,199	
Peruntukan untuk Imbuhan Tahunan		5,978,228	3,500,000	
Penjejasan Aset Kewangan		81,248	78,777	
Peruntukan Manfaat Pekerja		1,456,364	1,082,940	
Pindahan dari Akaun-Akaun Khas (Mengurus)		(100,001)	-	
Pendapatan Faedah/Hibah daripada				
Deposit/Pembayaran		(8,295,133)	(5,882,843)	
Lebihan Operasi sebelum Perubahan Modal Kerja		<u>15,467,437</u>	<u>5,766,268</u>	
<b>Perubahan Modal Kerja :</b>				
(Tambah) Akaun Belum Terima		(16,919,324)	(1,859,885)	
(Kurangan)/Tambah Akaun Belum Bayar		(23,956,046)	18,139,699	
(Kurangan) Imbuhan Tahunan		(3,500,000)	(2,206,133)	
(Kurangan) Manfaat Pekerja		(853,201)	(600,595)	
Tunai bersih daripada/(digunakan dalam)				
Aktiviti Operasi		(29,761,134)	19,239,354	
Pendapatan Faedah/Hibah daripada				
Deposit/Pembayaran		<u>8,044,240</u>	<u>5,466,997</u>	
<b>Aliran tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi</b>		<u>(21,716,894)</u>	<u>24,706,351</u>	
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>				
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan		(7,797,282)	(3,351,003)	
(Tambah)/Kurangan Deposit di Institusi Berlesen		40,000,000	(40,000,000)	
Pembelian Aset Tak Ketara		(44,668)	-	
Kutipan daripada Pelupusan Kenderaan Pejabat		33,657	87,560	
<b>Aliran tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti pelaburan</b>		<u>32,191,707</u>	<u>(43,263,443)</u>	

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

### PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

	Nota	2019 RM	Dinyatakan semula 2018 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>			
Penerimaan Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)		284,735,000	374,482,015
Pembayaran Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)		(324,534,807)	(268,204,571)
Penerimaan Akaun-Akaun Khas (Mengurus)		207,566	520,358
Pembayaran Akaun-Akaun Khas (Mengurus)		(140,213)	(799,510)
Penerimaan Akaun Pembangunan MIDA		10,009,985	12,500,000
Pembayaran Akaun Pembangunan MIDA		<u>(7,195,220)</u>	<u>(2,773,880)</u>
<b>Aliran tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti pembiayaan</b>		(36,917,689)	115,724,412
 <b>Peningkatan/(Pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>			
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 1 Januari</b>		(26,442,876)	97,167,320
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31 Disember</b>	3	<u>200,755,955</u>	<u>103,588,635</u>
		<u>174,313,079</u>	<u>200,755,955</u>

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

### PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Nota: Asas penyediaan bajet dan asas penyediaan perakaunan adalah berbeza

<b>Anggaran Hasil</b>	<b>2019</b>	<b>2019</b>	<b>2019</b>	<b>2019</b>	<b>Dinyatakan semula</b>
	<b>Anggaran Asal</b>	<b>Anggaran Disemak</b>	<b>Anggaran Akhir</b>	<b>Hasil Sebenar</b>	<b>2018 Hasil Sebenar</b>
Peruntukan Geran Mengurus	140,000,000		140,000,000	140,000,000	149,914,700
Peruntukan Tambahan Mengurus	37,907,870	(7,907,870)	30,000,000	30,000,000	20,000,000
Pendapatan Sewaan	800,000		800,000	1,526,826	1,345,636
Pendapatan dari Faedah Bank	5,000,000		5,000,000	8,265,564	5,845,078
Pendapatan Faedah/Keuntungan Hibah	40,000		40,000	29,569	37,765
Lain-lain Pendapatan	2,000,000	2,000,000	4,000,000	4,572,902	4,045,185
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>185,747,870</b>	<b>(5,907,870)</b>	<b>179,840,000</b>	<b>184,394,861</b>	<b>181,188,364</b>

Peruntukan Asal	* Pelarasian	Perbelanjaan sebenar dalam asas perbandingan			Varian Bajet
		Peruntukan Akhir	dalam asas perbandingan		
		2019	2019	2019	
RM	RM	RM	RM	RM	RM

#### Perbelanjaan Operasi (Vot B)

##### Perbelanjaan

Emolumen	99,683,800	-	99,683,800	99,485,522	198,278
Bekalan dan Perkhidmatan	38,316,200	34,880,000	73,196,200	74,449,145	(1,252,945)
Aset		520,000	520,000	643,384	(123,384)
Bayaran-Bayaran lain	2,000,000	(400,000)	1,600,000	1,300,529	299,471
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	140,000,000	35,000,000	175,000,000	175,878,580	(878,580)

##### \* Pelarasian

Peruntukan Tambahan MOF	30,000,000
Sumber Dalaman MIDA	5,000,000
	<b>35,000,000</b>

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019**

#### **1. Maklumat Umum**

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) Akta 1965 [Akta 397].

Kegiatan utama MIDA adalah untuk menggalak dan menyelaras pembangunan industri dan perkhidmatan berkaitan di Malaysia. Ibu Pejabat MIDA ditempatkan di MIDA Sentral, No. 5, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Penyata Kewangan ini telah dibentang dan diluluskan melalui mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah pada 23 Jun 2020.

#### **2.1 Asas Penyediaan**

##### **(a) Tempoh Laporan dan Entiti**

Penyediaan Penyata Kewangan MIDA adalah tertakluk kepada Akta 1980 Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) di mana tempoh pelaporan tidak dinyatakan di dalam Akta tersebut. Oleh itu, tahun kewangan MIDA adalah dari 1 Januari hingga 31 Disember selaras dengan Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan Mata Wang fungsian dan pelaporan MIDA.

##### **(b) Penyata Pematuhan**

Penyata Kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata Kewangan ini telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan.

Penyata kewangan telah disediakan atas dasar kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya. Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan kritikal tertentu. Ia juga memerlukan para Pengarah membuat pertimbangan dalam penilaian dalam proses menggunakan polisi perakaunan MIDA.

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

### 2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting

#### (a) Pengiktirafan Hasil

##### **Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran**

###### Penerimaan hasil

Hasil daripada urusniaga bukan pertukaran dengan Kerajaan Persekutuan diukur pada nilai saksama dan diiktiraf pada kawalan mendapatkan aset (tunai) jika pindahan itu adalah bebas daripada syarat dan terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan berkaitan dengan aset tersebut akan dijana kepada MIDA dan boleh diukur dengan pasti.

##### **Hasil daripada Urusniaga Pertukaran**

###### Pendapatan faedah

Hasil Faedah Terakru menggunakan Kaedah Kadar Faedah Berkesan.

Kadar Faedah Berkesan mendisksaun dengan tetap anggaran terimaan tunai masa hadapan melalui usia guna Aset Kewangan kepada Amaun Bawaan Bersih Aset tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan Hasil Faedah setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak.

###### Pendapatan sewa

Pendapatan sewa yang diterima daripada pajakan operasi ke atas pelaburan harta tanah diambil kira mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan dan dimasukkan sebagai hasil.

#### (b) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan terdiri daripada tanah pegangan bebas dipegang untuk hasil sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya, dan tidak diduduki oleh MIDA.

Hartanah pelaburan diukur pada mulanya pada kos, termasuk kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, harta tanah pelaburan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai dan penjejasan terkumpul. Tiada susutnilai pada pelaburan harta tanah kerana ianya adalah tanah pegangan bebas.

Perbelanjaan berikutan dipermodalkan kepada nilai dibawa aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan perbelanjaan tersebut akan mengalir kepada MIDA dan kos unit tersebut boleh diukur dengan pasti. Semua pembaikan dan kos penyelenggaraan dibelanjakan apabila ditanggung. Apabila sebahagian daripada harta tanah pelaburan diganti, nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tidak diiktiraf.

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)**

### **2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)**

#### **(b) Hartanah Pelaburan (Sambungan)**

Hartanah pelaburan hendaklah dinyahiktirafkan (dikeluarkan daripada penyata kedudukan kewangan) semasa pelupusan atau apabila penggunaan harta pelaburan itu ditamatkan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan dijangkakan daripada pelupusannya. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan amaun dibawa lebihan atau defisit dimasukkan dalam keuntungan/(kerugian) bersih. Apabila adanya perubahan pada kegunaan harta tersebut, maka pindahan dibuat kepada/daripada harta pelaburan.

#### **(c) Hartanah, Loji dan Peralatan**

Semua harta, loji dan peralatan kecuali kerja dalam perlaksanaan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai dan penjejasan terkumpul. Susutnilai ke atas aset dalam kerja-kerja pembinaan bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan. Hanya harta, loji dan peralatan berharga RM2,000 dan ke atas setiap unit dipermudahkan. Kos sesuatu unit harta, loji dan peralatan diiktiraf pada awalnya termasuk harga pembelian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset kepada lokasi dan berada dalam keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikendalikan oleh pihak pengurusan.

Kos berikutnya dimasukkan dalam amaun di bawah aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatan yang digunakan oleh MIDA dan kos unit tersebut boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bahagian yang diganti dinyahiktiraf. Semua pemberaan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan lebihan atau defisit dalam tempoh kewangan tersebut.

Susutnilai dikenakan pada kaedah garis lurus dengan memperuntukkan kos aset ditolak nilai sisa:

Bangunan	2% setahun
Pengubahsuaian	20% setahun
Kenderaan	20% setahun
Komputer, peralatan dan perisian	20% setahun
Peralatan pejabat	10% setahun

Nilai baki aset dan hayat berguna dikaji dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai, pada akhir setiap tempoh pelaporan.

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

### 2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sumbangan)

#### (c) Hartanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)

Pada akhir tempoh laporan ini, MIDA menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan. Sekiranya wujud, analisa akan dibuat untuk menilai sama ada nilai dibawa aset boleh pulih sepenuhnya. Nilai dibawa aset dikurangkan dengan serta-merta kepada amaun boleh pulih, atau amaun perkhidmatan boleh pulih, jika jumlah bawaan aset adalah lebih besar daripada amaun atau perkhidmatan boleh pulih.

MIDA menyahiktiraf item harta tanah, loji dan peralatan dan / atau manama sebahagian besar daripada aset semasa pelupusan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan digunakan oleh MIDA. Untung atau rugi yang timbul daripada penyahiktirafan item harta tanah, loji dan peralatan hendaklah dimasukkan ke dalam lebihan atau kurangan apabila item tersebut dinyahiktirafkan.

#### (d) Pajakan Operasi

Pajakan adalah suatu perjanjian di mana pemberi pajakan menyewakan kepada penerima pajakan untuk suatu bayaran atau siri bayaran bagi hak penggunaan aset untuk tempoh masa yang dipersetujui.

##### Pajakan operasi - MIDA sebagai penerima pajakan

Pajakan aset di mana sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran hak milik disimpan oleh pemberi pajakan adalah diklasifikasikan sebagai pajakan operasi. Bayaran di bawah pajakan operasi (selepas ditolak sebarang insentif yang diterima daripada pemberi pajakan) adalah dicaj kepada lebihan atau defisit pada kadar garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

##### Pajakan operasi - MIDA sebagai pemberi pajakan

Apabila aset dipajak di bawah pajakan operasi, aset yang termasuk dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan kepada jenis aset. Pajakan pendapatan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan berdasarkan kaedah garis lurus.

#### (e) Pajakan Kewangan

Pajakan Kewangan hendaklah direkodkan di Penyata Kedudukan Kewangan sebagai Aset dan Obligasi untuk membayar sewaan masa hadapan.

Ia hendaklah diiktiraf pada Nilai Saksama Aset Pajakan atau, jika lebih rendah, Nilai Kini Bayaran Minimum Pajakan yang masing-masing ditentukan pada tarikh Insepsi Pajakan. Dalam mengira Nilai Kini Bayaran Minimum Pajakan, Faktor Diskaun adalah Faedah Implisit dalam Pajakan berkenaan. Apa apa kos langsung awal Pemajak hendaklah ditambahkan kepada amaun yang diiktiraf sebagai Aset.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)****2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)****(e) Pajakan Kewangan (Sambungan)**

Kadar Faedah yang implisit dalam Pajakan ditakrifkan dalam piawaian sebagai "...kadar diskaun yang, pada insepsi pajakan, menyebabkan nilai kini agregat bagi

- (a) bayaran minimum pajakan dan
- (b) Nilai Sisa tidak terjamin yang bersamaan dengan jumlah
  - (i) nilai saksama Aset pajakan dan
  - (ii) kos langsung awal Pemberi Pajak".

Dalam terma mudah, Kadar Faedah Implisit dalam pajakan adalah kadar pulangan dalaman Pemberi Pajak daripada Pajakan dengan mengambil kira harga tunai biasa Aset Pajakan, sewaan dan Amaun Boleh Pulih yang dijangka daripada Nilai Sisa oleh Pemberi Pajak.

Sekiranya perkara ini tidak boleh dilaksanakan, Pemajak hendaklah menggunakan Kadar Pinjaman Bertambah untuk menentukan Nilai Kini Bayaran Minimum Pajakan. Kadar pinjaman bertambah adalah kadar yang belum bayar oleh Pemajak bagi Pajakan yang serupa atau, sekiranya tidak boleh ditentukan, kadar pada tarikh insepsi bagi Pajakan yang akan ditanggung oleh Pemajak atas pinjaman dengan tempoh dan sekuriti yang serupa.

Bayaran Minimum Pajakan adalah bayaran bagi sepanjang Tempoh Pajakan yang belum bayar, atau boleh disyaratkan terhadap Pemajak, yang tidak termasuk sewaan luar jangka, kos untuk perkhidmatan dan cukai yang belum bayar dan dituntut semula kepada Pemberi Pajak bersama-sama dengan amaun yang dijamin oleh Pemajak atau pihak lain yang berkaitan dengan Pemajak (sebagai contoh, kumpulan entiti yang lain). Sebagai tambahan, sekiranya Pemajak mempunyai opsyen untuk membeli Aset pada harga yang menyebakkannya sangat pasti, pada Insepsi Pajakan, yang opsyen berkenaan akan dilaksanakan, maka Pemajak hendaklah memasukkan bayaran untuk melaksanakan opsyen berkenaan dalam pengiraan Bayaran Minimum Pajakan. Sekiranya tidak pasti bahawa opsyen berkenaan akan dilaksanakan, penalti kerana tidak melaksanakan opsyen berkenaan hendaklah dimasukkan ke dalam Bayaran Minimum Pajakan. Ianya akan menjadi sangat pasti bahawa opsyen akan dilaksanakan sekiranya, pada Insepsi Pajakan, dijangkakan bahawa harga opsyen akan cukup rendah berbanding jangkaan Nilai Saksama Aset pada tarikh opsyen berkenaan dilaksanakan.

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

### 2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)

#### (e) Pajakan Kewangan (Sambungan)

Aset yang dipajak secara Pajakan Kewangan hendaklah disusutnilaikan sepanjang Tempoh Pajakan atau usia gunanya yang lebih pendek, melainkan terdapat kepastian yang munasabah bahawa Pemajak akan mendapat hak pemilikan Aset berkenaan pada akhir tempoh pajakan, maka Aset berkenaan hendaklah disusutnilaikan sepanjang gunanya.

Bayaran pajakan hendaklah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan baki Liabiliti. Caj kewangan hendaklah diagihkan sepanjang tempoh pajakan, supaya menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap bagi baki Liabiliti pada setiap tempoh. Piawaian ini mengambil maklum bahawa, dalam keadaan sebenar, sesetengah bentuk anggaran mungkin perlu digunakan untuk memudahkan pengiraan peruntukan berkenaan.

Tempoh pajakan dan susutnilai adalah 99 tahun.

#### (f) Aset Tak Ketara – Perisian Komputer dan Sistem

Kos berkaitan dengan pembangunan dan penyelenggaraan program perisian komputer diambil kira apabila kos tersebut ditanggung yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang dikenal pasti serta yang dikawal oleh MIDA diiktiraf sebagai aset tak ketara apabila kriteria berikut dipenuhi:

- (i) Kebolehlaksanaan teknikal dalam menyiapkan Aset Tak Ketara supaya ia tersedia untuk diguna atau dijual;
- (ii) Hasrat entiti untuk menyiapkan Aset Tak Ketara tersebut untuk diguna atau dijual;
- (iii) Keupayaan entiti untuk mengguna atau menjual Aset Tak Ketara;
- (iv) Cara Aset Tak Ketara akan berkemungkinan menghasilkan faedah ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan. Antara lain, entiti boleh menunjukkan kewujudan pasaran untuk output Aset Tak Ketara tersebut atau Aset Tak Ketara itu sendiri atau, jika ia adalah untuk digunakan secara dalaman, kebergunaan Aset Tak ketara tersebut;
- (v) Ketersediaan sumber teknikal, kewangan dan sumber lain yang mencukupi untuk menyiapkan pembangunan dan untuk menggunakan atau menjual Aset Tak ketara tersebut; dan
- (vi) Keupayaan untuk mengukur dengan pasti belanja yang boleh dikaitkan dengan Aset Tak Ketara sewaktu pembangunan.

Kos langsung yang dipermodalkan sebagai sebahagian daripada produk perisian termasuk kos pekerja pembangunan perisian dan bahagian overhead yang relevan.

## LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

### 2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)

#### (f) Aset Tak Ketara – Perisian Komputer dan Sistem (Sambungan)

Perbelanjaan pembangunan yang lain yang tidak memenuhi kriteria ini diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung. Kos pembangunan yang sebelum ini diiktiraf sebagai perbelanjaan tidak diiktiraf sebagai aset dalam tempoh berikutnya. Kos pembangunan perisian komputer dikira sebagai aset dilunaskan dari titik di mana aset tersebut sedia untuk digunakan sepanjang anggaran hayat berguna, yang tidak melebihi 5 tahun.

Perisian komputer yang dibeli dipermodalkan berasaskan jumlah kos pembelian dan penggunaan perisian tersebut. Kos tersebut dilunaskan mengikut anggaran tempoh hayat berguna selama 5 tahun.

#### (g) Penjejasan Aset Bukan Kewangan

##### Penjejasan aset janaan tunai

